



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Perbuatan melecehkan atau merendahkan golongan yang bukan dilahirkan sebagai Islam ada kalaanya menyebabkan mereka terasa jauh diri dan seolah-olah tidak diterima.

Mereka diperlakukan seperti ada kelas yang berbeza. Begitu juga terdapat perasaan syak atas tujuan mereka menganut Islam.

Perasaan sangka buruk amat ditegah dalam Islam, malah tidak sepatutnya ada dalam hati setiap

Tunjukkan keindahan dalam Islam

individu Muslim. Hidayah adalah milik Allah yang dianugerahkan kepada hamba-Nya.

Allah SWT melarang orang beriman menyimpan prasangka kepada Allah dan terhadap saudara seagamanya.

Firman Allah yang ber maksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari-pada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keai-

ban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepada-nya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani." (**Surah al-Hujurat, ayat 12**)

Eksekutif Bahagian Pendaftaran Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ustaz Che Mohd

Noor Lee menyatakan, hidayah adalah hak milik Allah SWT secara mutlak.

"Hanya Allah SWT boleh menganugerahkan hidayah kepada sesiapa saja hamba-Nya tanpa boleh dihalang. Kita sebagai manusia yang menjadi ham-ba kepada Allah tidak sewajarnya menyempitkan konsep hidayah.

"Maka, seharusnya pengislaman seseorang diraikan dengan penuh kesyukuran, bukan dira-gui dengan penuh pra-sangka. Kita khuatir, di-sebabkan sikap segelintir masyarakat Islam yang memandang serong atau mempertikaikan peng-

islaman seseorang akan menyebabkan mereka menjauhkan diri daripada Islam."

Sekiranya perkara itu berterusan, ia merugikan perkembangan dakwah Islam selain secara tidak langsung merosakkan keindahan Islam yang sebenar.

Kita tidak berhak mem persoalkan keislaman se-seorang, apatah lagi hidayah yang diperoleh mereka. Allah SWT menurunkan hidayah kepada hamba-Nya melalui pelbagai bentuk dan juga keadaan.

Ada yang peroleh hidayah melalui pergaulan,

pembacaan, penyelidikan, kajian perbandingan agama, perkahwinan dan sebagainya.

Apapun tujuan seseorang itu memeluk Islam harus kita terima dengan hati terbuka dan menjadi kewajipan kita membimbing mereka untuk lebih mengenali Islam sebagai satu cara hidup, beramal dan akhirnya istiqamah dalam Islam.

Sepatutnya, Islam perlu dilihat sebagai agama yang cukup indah, sem-purna, sejagat dan sesuai untuk semua manusia di dunia ini.

Penulis Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di Universiti Putra Malaysia